



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لَوِي كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI HAJI MOHAMED KHALED
NORDIN**

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KONVENSYEN
MPP UiTM SE-MALAYSIA**

**3 SEPTEMBER 2023 | AHAD | 8 MALAM
BAHANG BAY HOTEL, PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

[SALUTASI – kemaskini berdasarkan kehadiran

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, izin dan rahmat-Nya, dapat kita berkumpul dan berhimpun di Dewan Sireh Hotel Bahang Bay ini dalam **Majlis Perasmian Konvensyen Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Se-Malaysia sesi 2022/2023**. Saya berharap semua perwakilan pelajar dalam keadaan sihat dan sejahtera.
2. Terima kasih pihak UiTM kerana telah menjemput saya bagi menyempurnakan majlis perasmian konvensyen pada malam ini.
 1. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Perwakilan Pelajar UiTM atas penganjuran Konvensyen MPP UiTM se-Malaysia ini. Lebih bermakna, penganjuran konvensyen ini adalah bersempena dengan sambutan baik pemimpin mahasiswa dalam menjayakan aspirasi pemeraksanaan mahasiswa.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada UiTM yang telah mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi pendidikan terunggul apabila **melakar sejarah dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR) dengan penganugerahan satu juta skrol** di Istiadat Konvokesyen ke-97 baru-baru ini.

3. Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Roziah Mohd Janor berkata bahawa penganugerahan itu merupakan suatu angka yang boleh dibanggakan kerana ia mencerminkan, bahawa UiTM sudah menggerakkan misinya dengan tepat untuk menjuarai pembangunan bumiputera profesional menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

4. Seperti apa yang dimaklumkan, tema konvensyen MPP UiTM pada kali ini ialah '**Konvensyen MPP UiTM Teras Pemerkasaan Mahasiswa**'. Dalam konteks ini, kredit harus diberikan kepada MPP UiTM kerana telah berjaya mengenal pasti platform tujahan baharu untuk dipelopori, iaitu "**Suara Mahasiswa**" atau juga boleh kita sebut sebagai "**Pemerkasaan**

Mahasiswa”.

5. Saya amat menyokong usaha ini kerana ia bertepatan sekali dengan bidang dan kehendak daripada kementerian serta tujahan UiTM sebagai sebuah universiti yang memperjuangkan hak bangsa bumiputera. Malah, langkah yang diambil dalam mengetengahkan konsep **Perbincangan dan Resolusi** ini juga adalah seiring dengan hasrat untuk memperkasakan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa di Universiti-Universiti Awam .
6. Bukan itu sahaja, konvensyen yang mensasarkan peserta badan tertinggi kepimpinan pelajar ini juga dilihat berupaya menjadi pemangkin yang secara tidak langsung akan meningkatkan penyertaan mahasiswa dalam bidang kepimpinan dan bekerja dalam sesebuah organisasi.
7. Pada minggu lalu, saya telah menyampaikan Penggulangan Usul Parlimen Mahasiswa Kebangsaan berdasarkan empat teras perbahasan. Ia merangkumi ekonomi, kebajikan, pemerkasaan dan pembangunan mahasiswa serta

pengantarabangsaan. Hasrat utama penganjuran program ini adalah untuk membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa IPT untuk menyuarakan dan membahaskan secara intelektual dan berhemah isu-isu merujuk kepada empat teras tersebut.

8. Difahamkan, seramai 14 delegasi daripada UiTM turut hadir mewakili suara mahasiswa UiTM di Parlimen Mahasiswa Kebangsaan 2023. Tahniah dan syabas sekali lagi! Diharapkan objektif utama konvensyen MPP UiTM se-Malaysia akan tercapai seperti mana hasrat utama Parlimen Mahasiswa Kebangsaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Bercakap tentang perbincangan dan perbahasan dalam sesebuah konvensyen untuk mencari penyelesaian, mengingatkan saya tentang beberapa faedah yang boleh kita ambil dan bukukan. Pertamanya, berkaitan dengan **perbincangan** di mana idea dan pemikiran dapat dikongsi bersama. Dengan adanya pelbagai pendapat serta idea daripada MPP UiTM dari setiap cawangan, saya yakin bahawa ia merupakan satu sudut pemikiran

yang kritis kerana anda semua insan yang terpilih untuk membawa suara mahasiswa UiTM.

8. Yang kedua pula adalah membuka cara seseorang individu itu berfikir dengan lebih cepat dan realistik. **‘Jauh perjalanan, luas pemandangan’**, satu peribahasa yang hebat bagi saya, lagi jauh kita berjalan, lagi banyak yang dapat kita pelajari sebenarnya.

10. Dari sudut **perbahasan** pula, pemimpin mahasiswa dapat memahami sesuatu isu dari pelbagai sudut pandangan secara lebih mendalam. Mereka harus mampu melihat masalah dari perspektif yang berbeza, menilai bukti, memperincikan usul dan mengorganisasikan pemikiran mereka dengan baik. Justeru itu, lahirlah pemimpin berwibawa untuk kepimpinan masa hadapan yang lebih baik.

Hadirin sekalian,

11. Saya yakin pengumuman konvensyen selama empat hari ini dapat menjadi wadah kepada pemimpin mahasiswa untuk mencapai satu resolusi yang bakal

dibukukan dan diserahkan kepada pihak UiTM dan saya sendiri.

13. Resolusi ini adalah hasil perbincangan bersama yang melibatkan latar belakang permasalahan mahasiswa UiTM dan kaedah penyelesaiannya. Saya juga dimaklumkan bahawa MPP akan membentangkan usul berdasarkan portfolio-portfolio yang terlibat. Dari pembentangan tersebut, kata sepakat akan dicapai dan resolusi akan didokumentasikan untuk penyelesaian jangka masa pendek dan jangka mangsa panjang.

12. Saya sangat gembira dengan kehadiran pemimpin mahasiswa UiTM dari cawangan se-Malaysia! Kebersamaan MPP UiTM ini membuktikan bahawa anda semua mengambil serius dalam isu kebajikan mahasiswa UiTM. Hakikatnya, resolusi yang akan dicapai mampu mengatasi isu mahasiswa UiTM yang harus kita cakna bagi kemaslahatan bersama. Jadi saya amat berharap bahawa penganjuran konvensyen ini bukan sekadar melihat kepada sudut *output* semata-mata, tetapi juga aspek *outcome*.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

13. Nelson Mandela pernah berkata "***Everything seems impossible until everything is done.***" Jadi, saya percaya, konvensyen ini akan memberikan impak positif yang insya-Allah akan memperhebat lagi keterlibatan badan tertinggi kepimpinan pelajar UiTM iaitu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

14. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang menyumbang kepada penganjuran dan kejayaan konvensyen ini. Berkat usaha kita dalam membantu mahasiswa UiTM bakal diberikan ganjaran kelak. Insya-Allah.

15. **DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KONVENSYEN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UiTM SE- MALAYSIA SESI 2022/2023.**

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum

warahmatullahi wabarakatuh.